

# CO-PRIMAZOL SUSPENSION

Sulfamethoxazole / trimethoprim (200mg/5ml / 40mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Co-Primazol*
2. Bagaimana *Co-Primazol* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Co-Primazol*
4. Cara menggunakan *Co-Primazol*
5. Semasa menggunakan *Co-Primazol*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan *Co-Primazol*
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan *Co-Primazol*

Ia digunakan untuk merawat jangkitan saluran kencing, luka terbakar, jangkitan telinga dan jangkitan saluran pernafasan yang disebabkan oleh bakteria.

## Bagaimana *Co-Primazol* berfungsi

*Co-Primazol* mengandungi dua jenis ubat iaitu sulfamethoxazole dan trimethoprim. Kombinasi ubat ini juga dinamakan co-trimoxazole. Ia dikenali sebagai antibiotik dan digunakan untuk merawat jangkitan daripada beberapa jenis bakteria.

## Sebelum menggunakan *Co-Primazol*

### - Bila tidak boleh menggunakan

- jika alahan kepada sulfamethoxazole, trimethoprim atau bahan tidak aktif yang terkandung dalam *Co-Primazol*.
- Tidak digunakan untuk wanita hamil dan berhati-hati untuk ibu yang menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.
- Ia tidak boleh digunakan jika mengidap anemia megaloblastik (gangguan darah akibat sel darah merah yang besar).

### - Sebelum menggunakan *Co-Primazol*

Beritahu doktor jika ada *glucose-6-phosphate dehydrogenase (G6PD) deficiency*, masalah buah pinggang atau hati, atau sering guna agen merangsangkan enzim hati. Penggunaan jangka panjang tidak digalakkan.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Ia meningkatkan kesan coumarin anticoagulants, ubat kencing manis, phenytoin dan methotrexate. Pemonitoran ke atas kesan toksik jika menjalani rawatan immunosupresif. Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan *Co-Primazol*

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: Oral, 4 camca the(20ml) setiap 12 jam sehingga 14 hari.  
Kanak-kanak 1½-5 bulan: oral, ½ camca

teh(2.5ml) setiap 12 jam.

6 bulan – 5 tahun: oral, 1 camca teh (5ml) setiap 12 jam.

6 – 12 tahun: oral, 2 camca teh(10ml) setiap 12 jam.

Untuk pneumocystitis carinii pneumonia: Dewasa dan kanak-kanak lebih daripada 1 bulan: oral, 25mg sulphamethoxazole dan 5mg trimethoprim setiap kg berat badan setiap 6 jam untuk 14 hari. Nota: Jangka rawatan perlu dihabiskan dan diambil bila perut kosong. Ikut arahan doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika tidak memahami arahan pada label ubat, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan *Co-Primazol*

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan *Co-Primazol*. Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan berkongsi *Co-Primazol* dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Berhati-hati bila digunakan oleh ibu yang menyusukan anak dan warga tua kerana risiko kesan sampingan. Kesan baik dan

buruk ubat ini kepada bayi harus dinilai.

## Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, *Co-Primazol* boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini. Loya atau muntah, cirit-birita, sakit kepala, gangguan pemakanan, sakit abdomen, pening kepala, lemah otot, lemah, gerakbalas alergi, tidur tak lena, bunyi dalam telinga, kekeliruan, depresi, kebas dan gangguan darah mungkin berlaku.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public* → *Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan *Co-Primazol*

### - Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C. Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Suspensi jingga perisa ceri.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: sulfamethoxazole dan trimethoprim.
- Bahan tidak aktif: methyl paraben, propyl paraben, tragacanth, xanthan gum, tween 80, glycerin, perisa ceri, sodium saccharin, sunset yellow ariavit, air dan sirap

### - Nombor MAL

MAL19900528AZ

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini

08/12/2017

## Nombor siri

NPRA(R4/1)081217/00350